



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA**  
**BIL. 2 TAHUN 2008**

**Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Agenzi  
Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia**

**KAWALAN DAN PENGAWASAN DISIPLIN PEGAWAI AWAM**

**Tujuan**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menarik perhatian semua Ketua Jabatan / Bahagian / Agenzi di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia berhubung kawalan dan pengawasan disiplin Pegawai Awam.

**Latar Belakang**

2. Surat Pekeliling ini dikeluarkan berikutan arahan dari Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui suratnya rujukan JPA(S)TT.71/140 (25) bertarikh 6 Disember 2007 berhubung pemerhatian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mendapati masih terdapat anggota perkhidmatan awam yang tidak mematuhi peraturan waktu bekerja dan rehat yang ditetapkan.

**Disiplin**

3. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi keutuhan dan integriti perkhidmatan awam, pihak Kerajaan amat memandang berat terhadap kegagalan segelintir anggota perkhidmatan awam yang enggan mematuhi peraturan waktu bekerja dan rehat yang ditetapkan. Keadaan ini harus dibendung kerana ia menjadikan imej perkhidmatan awam itu sendiri.

4. Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengkehendaki semua pegawai awam mematuhi 11 senarai tatakelakuan yang

telah ditetapkan. Antaranya menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab, jujur, amanah, tidak membelakangkan tugas awam untuk faedah sendiri dan tidak ingkar perintah. Manakala, Peraturan 3C pula menegaskan supaya mereka yang menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin atas apa-apa pelanggaran kepada peruntukan peraturan tersebut.

5. Bagi tujuan tersebut, semua Ketua Jabatan/Bahagian/Agensi dikehendaki memastikan agar kawalan dan pengawasan disiplin pegawai awam di bawah seliaan masing-masing dipertingkatkan lagi agar hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam serta segala usaha-usaha penambahbaikan yang dilakukan untuk menjadi perkhidmatan awam yang cemerlang terbilang dan gemilang dapat direalisasikan.

#### Tindakan

6. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan/Bahagian/Agensi diminta mengambil perhatian serius dengan arahan ini. Sebarang tindakan sewajarnya perlu diambil bagi memastikan peraturan-peraturan disiplin yang sedang berkuatkuasa difahami, dipatuhi dan dihayati oleh setiap pegawai di bawah kawalan masing-masing. Dalam hubungan ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian akan membuat pemantauan secara mengejut dari semasa ke semasa bagi memastikan arahan ini dipatuhi.

#### Tarikh Kuat Kuasa

7. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHD YASIN BIN MOHD SALLEH)  
Ketua Setiausaha

Tarikh : 25 Januari 2008